

→ ISU

SUSULAN BH BONGKAR PENGHUNI 47 FLET, KONDO RISIKO MAUT

Flet, kondo dipantau menerusi program pemeriksaan tahunan

➔ Notis bahaya dikeluarkan jika kelengkapan kebakaran tidak lengkap, rosak

Oleh Syed Azwan Syed Ali dan Rashidah Ilimi Abd Rahim
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat hanya membatalkan bangunan yang mempunyai perakuan bomba (FO), khususnya premis komersial seperti hotel, pejabat, kilang, gudang, asrama dan dewan serba guna.

Bagaimanapun, bangunan kediaman seperti pangsupuri atau kondominium tidak termasuk dalam senarai bangunan mempunyai FC dan tidak diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi tetapi diperiksa menerusi program pemeriksaan tahunan bagi menghapuskan bahaya kebakaran.

Ini menerangkan kenapa ada

pangsupuri menerima notis bahaya kebakaran tinggi berdasarkan bilangan kesalahan dilakukan dalam satu pemeriksaan. Contohnya, pangsupuri 20 tingkat tidak mempunyai alat pemadam api mudah alih di setiap tingkat, maka secara automatiknya mempunyai 20 notis bahaya kebakaran.

Bukan bersifat menghukum

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata notis dikeluarkan bomba bukan bersifat menghukum sebaliknya bertujuan memastikan pengurusan bangunan memastikan kelengkapan kebakaran dalam keadaan baik.

Bagaimanapun, pihaknya menerusi Akta Bomba 1988 boleh mengambil tindakan selanjutnya termasuk kompaun dan pendakwaan di mahkamah sekiranya notis amaran itu tidak diendahkan kerana ia boleh membahayakan nyawa penghuni atau penduduk premis terbabit.

"Tujuan utama notis menghapuskan bahaya kebakaran ini bukan untuk menghukum penghuni atau pemunya bangunan, sebaliknya ia bertujuan membolehkan pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya dan kita beri tempoh (tindakan) bersesuaian dengan kesalahan dilakukan.

"Contohnya, jika kesalahan ada

lah menghalang pintu rintangan api, maka notis diberikan untuk mengambil tindakan serta-merta.

"Begitu juga kesalahan jika tiada alat pemadam api, kita beri notis dua minggu untuk memastikan kelengkapan itu ada dan ada juga notis yang diberikan tempoh lebih lama dengan mengambil kira kemampuan kewangan pengurusan bangunan dan kerja membaik pulih," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan BH semalam mengenai kesalasan penduduk dan pengurusan bangunan, termasuk dari Pangsupuri Pantai Indah Fasa 1, Pantai Dalam yang mempersoalkan kenapa bangunan itu hanya diperiksa selepas 20 tahun dihuni dan diberikan 224 notis bahaya kebakaran.

Notis menghapuskan bahaya kebakaran bertarikh 6 Jun lalu itu memberikan tempoh 90 hari kepada Pengurusan Bersama Bangunan (JMB) Pangsupuri Pantai Indah Fasa 1 untuk memastikan kelengkapan memadam kebakaran di pangsupuri 13 tingkat berada dalam keadaan sempurna.

Tinjauan wartawan BH dengan kehadiran wakil penduduk pangsupuri yang mempunyai 400 unit kediaman itu kelmari mendapati, alat pemadam api mudah alih atau hos pancur basah tiada di setiap

tingkat bangunan itu sekali gus bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Laporan BH Isnin lalu mendedahkan 47 pangsupuri dan kondominium seluruh negara, termasuk 40 di Lembah Klang, mempunyai risiko bahaya kebakaran apabila menerima notis amaran bomba, termasuk Pangsupuri Pantai Indah Fasa 1 yang menerima 224 notis.

Situasi berbahaya

Notis menghapuskan bahaya kebakaran itu antara lain membatalkan kesalahan tiada kelengkapan memadam kebakaran, tidak diselenggara, tidak berfungsi dan pintu rintangan api terhalang atau dikunci yang boleh membawa risiko jika berlaku kebakaran.

Situasi itu disifatkan berbahaya kepada keselamatan penghuni dan bomba tidak menolak kemungkinan insiden kebakaran di Grenfell Tower di London yang menyaksikan 80 terkorban itu, boleh berlaku di negara ini jika semua pihak ambil mudah.

Wan Mohd Nor berkata, jika pengurusan bangunan gagal memenuhi tuntutan notis itu, pihak bomba mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan tegas seperti kompaun dan mendakwa pihak terbabit di mahkamah mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



Tujuan utama notis menghapuskan bahaya kebakaran ini bukan untuk menghukum penghuni atau pemunya bangunan, sebaliknya ia bertujuan membolehkan pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya dan kita beri tempoh (tindakan) bersesuaian dengan kesalahan dilakukan"

Wan Mohd Nor Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat



Akta Perkhidmatan Bomba 1988

Memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 bagi setiap kesalahan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan

2 kontraktor diarah pastikan alat padam api berfungsi

Kuala Lumpur: Dewan Bandarya Kuala Lumpur (DBKL) mengarahkan dua kontraktor untuk memastikan kelengkapan memadam kebakaran di Perumahan Awam Seri Kelantan di Sentul dan Perumahan Awam Sri Pahang di Bangsar, dibaiki dan berada dalam keadaan baik.

Ia susulan laporan khas BH Isnin lalu apabila dua perumahan awam di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan itu tersenarai antara 40 pangsupuri dan kondominium di Lembah Klang yang menerima notis bahaya kebakaran dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat, masing-masing enam notis dan 54 notis bahaya kebakaran.

Sementara itu, pemeriksaan secara berkala akan diteruskan 16 panel kontraktor yang dilantik bagi memeriksa kelengkapan kebakaran dan menggantikan peralatan rosak di semua 67 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah tanggungjawab DBKL.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohd Amin Nordin ketika dihubungi BH berkata, pihaknya sentiasa memastikan kelengkapan kebakaran yang rosak digantikan mengikut spesifikasi ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Bagaimanapun, beliau meminta kerjasama penduduk, termasuk pihak pengurusan bangunan, memas-

kan kelengkapan sedia ada dan digantikan berada dalam keadaan baik serta boleh diguna, sekiranya berlaku kecemasan kebakaran.

Sikap negatif penduduk

"Kita dapati kebanyakan kerosakan yang berlaku berpunca daripada sikap penduduk yang merosakkan peralatan itu meskipun kontraktor melakukan pemantauan berkala.

"Selain menyalahkan pihak berkuasa, penduduk juga harus berperanan menjaga dan memantau kelengkapan kebakaran yang rosak akibat vandalisme," katanya mengulas laporan khas BH mengenai keselamatan pangsupuri dan kondominium di seluruh negara.

Tinjauan wartawan BH dengan kehadiran mangsa kebakaran di PA Seri Kelantan, Azhar Kadirun pada 6 Julai lalu mendapati hos pancur basah di tingkat 14 perumahan awam itu tidak berfungsi sepenuhnya kerana masalah tekanan air rendah.

Mohd Amin berkata, DBKL sudah melakukan pemeriksaan di perumahan itu Jun lalu dan mendapati peralatan itu berfungsi dengan baik.

Hos pancur basah diperiksa

Di Perumahan Awam Seri Pahang pula, katanya, kontraktor sudah melakukan pemeriksaan hos pancur basah pada Januari lalu dan

mendapati ia dalam berkeadaan baik.

"Kontraktor juga dalam proses memperbaharui sivil bomba bagi alat kelengkapan kebakaran di perumahan awam itu," katanya.

Pengarah Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Komuniti DBKL, Wan Mohammad Ghazali Nor, berkata Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Komuniti DBKL juga memperkasakan fungsi penduduk dan penghuni PPR dan PA dengan melantik ketua blok dan sukarelawan bomba dalam kalangan penghuni PPR/PA bagi bekerjasama dengan DBKL dan pihak bomba memantau peralatan dan mencegah kebakaran.